

E-Village makin dapat perhatian

BH 2 3 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat – Entertainment Village (E-Village), yang berhasrat untuk menjadi sebuah pusat bertaraf dunia bagi penghasilan filem dan multimedia yang kreatif, semakin mendapat perhatian pembuat filem dan pembekal kandungan dari seluruh dunia.

Selepas pelancaran Fasa 1A oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dua minggu lepas, ia telah menerima

pertanyaan sehingga dari Amerika Syarikat, Kanada, Hong Kong, Asia Barat dan India.

“Kami mendapat sambutan yang menggalakkan dari seluruh dunia. Bagaimanapun, kami belum dapat mengesahkan apa-apa sehingga semuanya siap... kami masih di peringkat awal,” kata Alan French, Pengurus Besar E-Village bagi Perhubungan Awam, Pengiklanan dan Pemasaran.

Syarikat-syarikat itu tertarik dengan Malaysia disebabkan kosnya yang kompetitif dan kemudahan canggih yang terdapat di E-Village, katanya di sini hari ini.

French berkata, E-Village, yang terletak di Dengkil dan berhampiran dengan Cyberjaya, bandar raya bagi syarikat teknologi maklumat dalam Koridor Raya Multimedia, dilihat sebagai pemangkin dalam perniagaan era digital.

Fasa 1A akan menyaksikan penubuhan studio maya dan pentas bunyi yang canggih dan kedua-dua kemudahan itu di kawasan seluas 1,860 meter persegi dan jumlah ketinggian bangunan 21.35 meter.

Fasa 1A diang arkan menelan belanjā AS460 juta (kira-kira RM228 juta).

Apabila siap kelak E-Village akan merangkumi stu-

dio maya, tujuh pentas bunyi, kemudahan pasca pengeluaran, satu Taman Tema, Resort Percutian dan Taman Ekologi.

French berkata, mereka kini sedang membeli peralatan bagi pentas bunyi yang dijangka siap pada akhir tahun ini.

Beliau berkata, perbincangan sedang diadakan dengan pengarah dan penerbit tempatan dan luar negara yang berminat menggunakan E-Village bagi semua aspek yang berkaitan dengan pembikinan filem.

‘Pelakon terkenal Hong Kong Jackie Chan, yang menghadiri majlis pelancaran itu dan pernah mem-

buat pembikinan filem di Malaysia, telah melahirkan minat untuk menggunakan kemudahan di E-Village, kata French.

“Sasaran kami pada masa ini adalah Hong Kong...kami mahu bermula dengan Asia dahulu. Bagaimanapun ia tidak bermaksud hahawa kami tidak mahu berhubungan dengan pembuat filem dari Amerika Syarikat,” katanya.

Selain pengeluar filem, beberapa pembekal kandungan juga merancang untuk menjalin kerjasama dengan E-Village, termasuk Pentamedia dari India dan sebuah syarikat dari Mesir, kata French.